

SIARAN AKHBAR

TABUNG HAJI LANTIK DUA PENGURUSAN KANAN BAHARU

KUALA LUMPUR, 6 April 2020 - Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini mengumumkan dua lagi pelantikan baharu pengurusan kanan selaras dengan usahanya untuk memantapkan kepimpinan organisasi.

Puan Rozita Khamsiah Othman telah dilantik sebagai Setiausaha Lembaga berkuat kuasa pada 9 Mac 2020 dan Encik Ahmad Shahrizan Johari dilantik sebagai Pengurus Besar Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan pada 1 April 2020.

Puan Rozita Khamsiah Othman mempunyai pengalaman luas sebagai penasihat undang-undang dalaman dan setiausaha syarikat berlesen dari pelbagai industri termasuk institusi kewangan kerajaan, pembinaan dan pembangunan hartanah.

Sebelum menyertai **TH**, beliau berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan di Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd dan bertanggungjawab dalam aspek pengurusan undang-undang syarikat termasuklah memimpin, mengurus dan memantau penyampaian khidmat nasihat undang-undang. Ini termasuklah kepada Lembaga dan ahli-ahlinya dalam aspek litigasi, pentadbiran undang-undang dan perkhidmatan undang-undang bagi pengurusan risiko organisasi. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Malaysia Debt Ventures Berhad, KUB Malaysia Berhad dan Kumpulan Maju.

Manakala Encik Ahmad Shahrman yang memegang Ijazah Kesusasteraan Bahasa Inggeris dari Acadia University, Kanada dilantik sebagai Pengurus Besar Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan pada 1 April 2020.

Encik Ahmad Shahrman sebelum ini adalah Ketua Komunikasi Korporat di Sime Darby Property Berhad, bertanggungjawab dalam mengurus hal ehwal perhubungan awam serta komunikasi syarikat tersebut. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam perhubungan media dan pernah memegang jawatan Ketua Pengarang Berita di New Straits Times (NST).

YBhg Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusof, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** berkata, kehadiran Puan Rozita dan Encik Ahmad Shahrman yang memiliki pengalaman luas serta kepakaran dalam bidang masing-masing adalah usaha untuk mengukuhkan **TH** dengan kepimpinan profesional.

TH mengalu-alukan pelantikan ini dalam usahanya menjadi sebuah institusi Islam yang dihormati kerana pencapaian dan tadbir urus yang baik.

-Tamat-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<p>Affan Aimaduddin Azami Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan TH, 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my</p>	<p>Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my</p>
---	---